

Wanita Islam dibolehkan

UM 8 OCT 2001

Oleh HELMI MOHD. FOAD

JOHOR BAHRU 7 Okt. — Wanita Islam dibolehkan terlibat aktif dalam politik hingga ke peringkat memegang jawatan Perdana Menteri atau Presiden di sesebuah negara.

Ketua Jabatan Siasah Syariah Universiti Malaya (UM), Dr. Syarifah Hayati Syed Ismail berkata, ulama sepakat menyatakan wanita tidak boleh memegang jawatan tertinggi (wilayah ammah) dalam negara namun ketetapan hukum itu

boleh berubah dengan berlakunya perubahan dalam struktur pentadbiran negara.

“Wanita boleh memegang jawatan tertinggi di dalam negara tetapi dengan syarat mereka mesti mempunyai kemampuan,” katanya pada Seminar Islam, Politik dan Kerajaan di sini, hari ini.

Ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Penglibatan Wanita Dalam Politik dan Pemerintahan, Dr. Syarifah berkata, pada prinsip asas Islam seseorang wanita tidak boleh diketepikan dalam apa jua bidang termasuk politik kerana ia

dijelaskan di dalam al-Quran dan Sunah.

“Ulama tidak lagi membincangkan soal hukum boleh atau tidak wanita terlibat dalam politik tetapi sejauh mana ruang lingkup kekuasaan yang boleh dimiliki oleh kaum hawa dalam kepimpinan negara,” ujarnya.

Jelasnya, hal ini dibuktikan dengan penglibatan isteri Khalifah Harun al-Rasyid, Zubaidah Jaafar yang mengarahkan projek pembinaan tali air dari Mesopotamia ke Mekah (Ain Zubaidah) bagi kegunaan jemaah haji.

“Apa yang dilakukan beliau bukan sekadar memberi idea tetapi telah membentuk dasar sosial yang efektif bagi kerajaan Abbasiyah ketika itu,” ujarnya.

Dr. Syarifah berkata, prinsip asal perbincangan ulama seperti al-Mawardi meletakkan kekuasaan tertinggi (wilayah ammah) termasuk jawatan khalifah, hakim dan panglima tentera kepada lelaki kerana melibatkan penggubalan dasar negara serta kekuatan fizikal dan mental lelaki.

“Manakala dalam bidang kuasa yang lebih terhad (wilayah

jadi PM

khassah) seperti wakil rakyat atau pengarah sesuatu organisasi memberikan ruang kepada penglibatan wanita,” katanya.

Malah, jelasnya, dalam konteks wilayah khassah, wanita boleh dilantik menjadi menteri penuh sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibnu Hazm kerana tiada nas yang jelas mengenai.

Namun begitu, katanya, pandangan itu berbeza dengan dengan seorang lagi tokoh Islam iaitu al-Mawardi yang berpendapat wanita tidak boleh menjadi menteri penuh kerana melibatkan penggubalan

dasar dan keputusan kerajaan yang hampir sama bidang kuasa dengan ketua negara.

“Bagi wanita yang terlibat dalam politik secara langsung mereka perlu menyeimbangkan peranan sebagai isteri dan ibu serta dan memiliki akhlak Islam.

“Sebagai seorang pemimpin, wanita sebagaimana lelaki perlulah mempunyai ilmu pengetahuan serta berkebolehan di samping mempunyai nilai akhlak, menjaga batas aurat dan pergaulan bagi melindungi mereka daripada fitnah,” ujarnya.